



جائزہ کجا کیم من سر عیتہ نکر ی قوا وقین

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG
No. 3, Jalan Batu Gantung,
10450 Pulau Pinang.



Tel : 04-8307777
Faks : 04-8307899
Portal Rasmi : <http://www.jksnpp.gov.my>

Rujukan kami : JKSP.600 - 1/3/3 (4)

Tarikh : 03 Disember 2021
28 Rabiulakhir 1443H

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Pendaftar/Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif/Tuan/ Puan,

**PEKELILING KETUA PENDAFTAR BILANGAN 4 TAHUN 2021
PENGURUSAN FAIL KES BERPROFIL TINGGI**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim, Pendaftar dan Penolong Pendaftar keputusan Muzakarah Pegawai-Pegawai Syariah Bilangan 2 Tahun 2021 pada 03 Disember 2021 telah bersetuju menggunakan pengurusan fail kes berprofil tinggi adalah seperti di **Lampiran**.

Arahan ini berkuat kuasa mulai 03 Disember 2021.

(HASNIAH BINTI HASSAN)
Ketua Pendaftar
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang

PENGURUSAN FAIL KES BERPROFIL TINGGI

Kes berprofil tinggi adalah kes-kes yang mendapat liputan media massa, media cetak dan elektronik serta mendapat perhatian umum dan kadangkala dibangkitkan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

1. Kes-kes berprofil tinggi terdiri daripada tiga (3) dikategorikan iaitu:

(a) Kes-kes yang melibatkan orang kenamaan seperti berikut:

- (i) Sultan, Raja, Tuan Yang Terutama (TYT) dan kerabat dekat;
- (ii) Menteri Kabinet, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli Parlimen (Dewan Rakyat/ Dewan Negara), Ahli Dewan Undangan Negeri Ahli Dewan Diraja atau Majlis Pangkuan Negeri (atau apa-apa nama majlis sedemikian digelar), dan pemimpin politik yang lain yang memegang jawatan tinggi di dalam Kerajaan atau parti politik;
- (iii) Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Sivil dan Syariah, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Sivil dan Syariah dan Hakim-hakim Mahkamah Rendah Sivil dan Syariah;
- (iv) Pegawai dan Pegawai Kanan Kerajaan iaitu di dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Ketua Jabatan Persekutuan/Negeri, Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun;

- (b) Kes-kes yang melibatkan kepentingan awam dan negara; atau
- (c) Kes-kes yang mendapat perhatian umum atau kes yang difikirkan akan mendapat perhatian umum.

Sehubungan dengan itu, Yang Arif/Tuan/ Puan hendaklah melaporkan kepada Ketua Pendaftar kes-kes berprofil tinggi yang didaftarkan atau masih dalam prosiding sebutan/ perbicaraan. Laporan tersebut hendaklah mengandungi kronologi dan status terkini kes dengan menggunakan format seperti di **Lampiran A**. Laporan ini hendaklah sentiasa dikemaskini setiap kali terdapat perkembangan mengenai kes tersebut.

Berdasarkan kepada Arahan Keselamatan, kaedah penyimpanan fail kes berprofil tinggi hendaklah disimpan di dalam bilik fail yang mempunyai kabinet keluli. Hanya Pegawai Keselamatan yang dilantik oleh Jabatan sahaja dibenarkan mengendalikan/ menguruskan fail kes berprofil tinggi.

(a) Penyimpanan Fail Kes Berprofil Tinggi

Fail kes berprofil tinggi dan maklumat yang terkandung di dalam fail tersebut hendaklah dirahsiakan dan mana-mana pegawai yang terlibat menguruskan kes tersebut tidak dibenarkan mendedahkan maklumat kerahsiaan kepada pihak lain.

(b) Pergerakan Fail Kes Berprofil Tinggi

Bagi memastikan pengurusan fail adalah teratur di samping mengurangkan risiko untuk berlakunya kebocoran maklumat dan kehilangan fail, pergerakan sesebuah fail perlu dikawal. Dalam hal ini pergerakan fail hendaklah menggunakan kad pergerakan fail yang mengandungi butiran seperti berikut:

- (i) Butir-butir seperti Nama Pegawai, tarikh dan masa diambil serta dipulangkan direkod pada kad pergerakan fail.

- (ii) Jangka masa peminjaman fail yang dibenarkan adalah selama sehari (1) hari. Walau bagaimanapun, tempoh peminjaman boleh dilanjutkan dengan memaklumkan kepada Pegawai Keselamatan untuk tujuan rekod.

- (iii) Sekiranya pegawai ingin menggunakan fail yang sedang digunakan oleh pegawai lain, pegawai tersebut perlu mengisi borang slip transit yang disediakan sehari sebelum pinjaman fail kepada Pegawai Keselamatan untuk direkodkan di dalam Kad Pergerakan Fail.

LAMPIRAN A

Mahkamah: Rendah Syariah Seberang Perai Tengah
 Nama Hakim : MOHD AZHAR BIN HAMZAH
 Status Kes-kes Lama (Kes Mal/Jenayah)

FORMAT DI BAWAH INI DIGUNAKAN BAGI PENGHANTARAN KALI PERTAMA








Bil	Tarikh Difaikan	No. Kes dan pihak-pihak	Jenis Tuntutan	Peguam/ (Nama)	Tarikh hari ini dan tujuan	Fakta kes	Tarikh Akan Datang (Sebutan/ Bicara/ Sambung Bicara	Status kes/ Peringkat kes
1	1.1.2012	22-1-2021 Tan Sri Tajudin Abu V. Danaharta	Saman Malu	Peguam P: Peguam D:	9.12.2021 Kandungan 3 permohonan Plaintiff untuk memasukkan Pihak Ketiga	Plaintiff telah menyaman Defendan menuntut sejumlah gantirugi sebanyak () kerana Defendan dikatakan telah mengeluarkan kata-kata kesat berbau fitnah apabila menyiarkan kenyataan di dalam akhbar (). Defendan di dalam pembelaannya telah menggunakan justifikasi sebagai pembelaannya. (Sila rumuskan Penyataan Tuntutan dan Pembelaan Defendan) Plaintiff telah failkan Saman Dalam Kamar (En. 3) untuk satu permohonan	10.3.2021	Untuk sebutan bagi menetapkan tarikh bicara Kandungan 3 dan memastikan semua Affidavit telah difailkan

**FORMAT DI BAWAH INI
DIGUNAKAN BAGI
PENGHANTARAN SETERUSNYA**

Mahkamah: Rendah Syariah Seberang Perai Tengah
 Nama Hakim : MOHD AZHAR BIN HAMZAH
Status Kes Berprofil Tinggi (Kes Mal/Jenayah)

Bil	No. Kes dan pihak-pihak	Tarikh Sebutan/Bicara/Sambung Bicara dan tujuan	Status Kes	Tarikh Akan Datang (Sebutan/Bicara/Sambung Bicara) us kes / Peringkat Kes	Status tarikh akan Datang
1.	22-1-2021 Tan Sri Tajudin Abu v. Danaharta	10.3.2021 (s) untuk En. 3 permohonan untuk memasukkan pihak ketiga	Defendan telah menfailkan semua Affidavit dan pihak-pihak bersetuju Bicara permohonan ditetapkan pada 20 Mac 2021	20 Mac 2021	Bicara En. 3

CONTOH KAD PERGERAKAN FAIL

PERGERAKAN FAIL					
KPKT/BPK/19/431/1					
PEGAWAI / KAKITANGAN BAHAGIAN PENTADBIRAN					
NAMA PEGAWAI YANG MENGAMBIL FAIL	TARIKH FAIL DIAMBIL	MASA FAIL DIAMBIL	TANDATANGAN PEGAWAI YANG MENGAMBIL FAIL	TARIKH FAIL DIPGLANGKAN	TANDATANGAN PEGAWAI YANG MEMULANGKAN FAIL
Asiani	18/5	330 p.m		19/05/10	Amirah
Is	7/6	11.10 pm		2/6	Hegla
Muz	17/6/10	5.10 pm		18/06/10	
KARA	05/07/10	9.30	Amirah's	05/07/2010	Amirah's
MOHO RIZUAN	3/9/10	8.22 am		07/09/10	
MOHO RIZUAN	5/10/10	12.18 pm		14/10/10	